

**FENOMENA HIDU GAM DI KALANGAN REMAJA SEKOLAH :  
KAJIAN KES DI KAWASAN PESISIRAN PANTAI SARAWAK**

**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN  
PENGKOMERSILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA**

**CHE BAKAR CHE MAT  
HAZMAN SELI  
WAN MOHAMAD HAMDI NORDIN**

**OKTOBER 2004**

# ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
Tajuk	ii
Surat Penyerahan	iii
Senarai Nama Ahli-Ahli Projek	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii - viii
Senarai Jadual	ix - x
Abstrak	xii

## BAB 1 PENGENALAN

1.1	Gejala Sosial	1
1.2	Penyalahgunaan dadah.	2
1.3	Statistik Penagih	4
1.4	Profil penagih	4
1.5	Rawatan dan pemulihan	6
1.6	Sumbang Mahram	6
1.7	Pergaulan bebas di kalangan remaja dan kelahiran anak di Luar Nikah	8
1.8	Gejala hidu gam	10

## BAB 2 KAJIAN PESURATAN

2.1	Penyalahgunaan Gam / Pelarut (solvent)	11
2.2	Kajian di Malaysia	12
2.3	Kajian di Barat	13
2.4	Tanda-tanda penghidu	15
2.5	Bahaya Hidu gam	16

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	17
3.2	Subjek kajian	18
3.3	Instrumentasi	
3.3.1	Kaji selidik	19
3.3.2	Temu bual (Interview).	20
3.4	Masalah kajian	20

## BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Maklumbalas pelajar perihal gejala menghidu gam	22
4.1.1	Perihal Rokok	
4.1.1.1	Pernah dipengaruhi untuk merokok	22
4.1.1.2	Bilangan pelajar merokok	23
4.1.1.3	Sebab merokok	24
4.1.1.4	Bilangan rokok yang dihisap setiap hari	25

#### **4.1.2 Perihal Dadah**

4.1.2.1	Pernah dipengaruhi untuk mengambil dadah	26
4.1.2.2	Keterlibatan dengan dadah	26
4.1.2.3	Kekerapan mengambil dadah	27

#### **4.1.3 Perihal Gam**

4.1.3.1	Pernah mendengar gejala hidu gam	28
4.1.3.2	Dipengaruhi hidu gam	29
4.1.3.3	Keterlibatan dengan gejala hidu gam.	29
4.1.3.4	Kekerapan menghidu gam	30
4.1.3.5	Masa menghidu gam	31
4.1.3.6	Sebab hidu gam	32
4.1.3.7	Cara Terlibat	33
4.1.3.8	Tempoh masa terlibat	33
4.1.3.9	Tempat menghidu gam	34
4.1.3.10	Dengan siapa mengidu gam	35
4.1.3.11	Sebab gam menjadi pilihan	35
4.1.3.12	Cara mendapatkan gam	36
4.1.3.13	Perubahan selepas menghidu gam	37
4.1.3.14	Pengetahuan tentang kesan buruk menghidu Gam	38
4.1.3.15	Pengetahuan tentang kesan merokok, dadah dan gam.	38
4.1.3.16	Ibu-bapa menyedari keterlibatan anak-anak	39

#### **4.2 Maklumbalas orang awam perihal gejala menghidu gam**

4.2.1	Sebab remaja terlibat dengan gejala hidu gam	41
4.2.2	Sebab gam menjadi pilihan	42
4.2.3	Pernah mendengar program kesedaran salahguna gam	44
4.2.4	Keberkesanan program yang telah dijalankan	44

### **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.1	Kesimpulan	46
5.2	Cadangan Kajian	48

<b>BIBLIOGRAFI</b>	54
<b>LAMPIRAN</b>	56

## **ABSTRAK**

Gejala sosial yang semakin menular di dalam masyarakat perlu diberi perhatian yang serius salah satu daripadanya ialah gejala hidu gam. Jika dahulunya ia berlaku di kalangan belia dan orang dewasa namun kini golongan remaja dan pelajar sekolah sudah terlibat. Kajian ini cuba membincangkan beberapa aspek dari gejala menghidu gam serta langkah-langkah bagi menanganinya. Di samping itu terdapat juga kaitan antara fenomena hidu gam dengan gejala penyalahgunaan dadah berdasarkan hasil penyelidikan yang dibuat ke atas pelajar di beberapa sekolah di kawasan persisiran pantai Sarawak. Gejala hidu gam, walaupun tidak diberikan perhatian serius, sebenarnya merupakan ancaman yang sangat merbahaya. Sekali imbas gejala ini mungkin tidaklah merbahaya sebagaimana dadah, tetapi sebenarnya, dalam beberapa aspek bahayanya lebih serius dari penyalahgunaan dadah. Suatu realiti yang tidak dapat dinafikan kebanyakan gejala ini melibatkan bangsa Melayu yang beragama Islam. Hasil Penyelidikan juga mendapati beberapa sebab utama yang mendorong penglibatan remaja dalam fenomena ini. antaranya kerana ia mudah di dapati, harganya yang murah dan tidak terdapat peruntukan undang-undang bagi menghukum mereka yang terlibat. Disamping itu terdapat juga beberapa faktor lain seperti tahap sosio-ekonomi yang rendah, institusi keluarga yang goyah, disusuli dengan pegangan agama yang rapuh telah mendorong berleluasanya gejala ini di sesetengah kawasan pesisiran pantai. Beberapa saranan dan cadangan telah diketengahkan sebagai usaha menangani fenomena hidu gam di bahagian akhir kajian.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Gejala sosial**

Gejala sosial merupakan suatu fenomena yang sentiasa berlaku. Ia akan berlaku selama mana wujudnya manusia. Apa yang penting untuk diselai adalah tahap berlakunya gejala tersebut sama ada di tahap permulaan, tahap terkawal ataupun tahap yang sudah parah, dengan kata lain sudah tidak dapat dibendung lagi.

Di Malaysia antara gejala yang dikaitkan dengan gejala sosial adalah perbuatan penyalahgunaan dadah, minuman keras, merokok di kalangan remaja, hidu gam, pergaulan bebas, seks bebas, pelacuran, pembuangan bayi, pil ecstasy, lepak, bohsia dan sumbang mahram. Gejala sosial kini melibatkan bukan sahaja golongan dewasa tetapi juga golongan remaja. Keterlibatan remaja kini bukan hanya dalam gejala sosial tetapi juga dalam perbuatan jenayah. Fenomena ini merupakan suatu perkara yang sangat membimbangkan kerana ianya turut melibatkan para pelajar sekolah. Suatu perkara yang agak aneh kerana kebanyakan gejala sosial dilakukan oleh bangsa Melayu.